

Memenuhi Kebolehan  
Anak Anda

# PENGUMPULAN BERDASARKAN SUBJEK

UNTUK  
**SEKOLAH  
RENDAH**

Setiap kanak-kanak unik, dan mempunyai kecenderungan, keupayaan dan bakat yang berbeza-beza. Sekolah-sekolah kita menyediakan pendidikan yang seimbang yang dapat memenuhi kebolehan setiap anak yang berbeza-beza agar dapat mempersiapkan diri untuk kehidupan.

Pengumpulan Berdasarkan Subjek (Rendah) telah diperkenalkan untuk menambah baik proses penyaluran. Hal ini dapat membantu setiap anak menyedari potensi diri, berdasarkan kekuatan dan keperluan masing-masing.

## APAKAH PENGUMPULAN BERDASARKAN SUBJEK?

Pengumpulan berdasarkan subjek menyediakan lebih banyak fleksibiliti untuk anak anda menawarkan gabungan subjek-subjek standard dan asas mengikut kekuatannya. Sebagai contoh, jika anak anda cemerlang dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda tetapi memerlukan lebih sokongan dalam Matematik dan Sains, dia boleh memilih untuk mengambil subjek Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu di peringkat standard dan yang lainnya di peringkat asas.

Pilihan sebegini akan membolehkan anak anda memberikan tumpuan pada potensinya di samping mengembangkan kebolehannya dalam subjek-subjek mengikut kecenderungannya. Pada masa yang sama, dia dapat membina asas dalam subjek-subjek yang memerlukan lebih sokongan.

## PENGUMPULAN BERDASARKAN SUBJEK DAN KEMASUKAN KE SEKOLAH MENENGAH: BAGAIMANAKAH KEDUA-DUANYA BERKAIT?

Kemajuan ke peringkat menengah bergantung pada skor PSLE anak anda. Jangkaan yang berbeza-beza bagi subjek-subjek standard dan asas akan diambil kira semasa penskoran PSLE anak anda. Jika mereka cemerlang dalam subjek-subjek yang diambil, mereka akan berpeluang untuk meneruskan pilihan mereka ke peringkat lebih tinggi di sekolah menengah.

Mengambil subjek di peringkat asas tidak akan membawa kekurangan kepada anak anda. Dia boleh menumpukan perhatian kepada pembinaan asas yang kukuh dalam subjek-subjek yang memerlukan sokongan dan dapat lebih mempersiapkan dirinya untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah.



## APAKAH PILIHAN YANG TERSEDIA?

### Jika anak anda (bagi peperiksaan Darjah 4)

Lulus kesemua 4 subjek dan mencapai prestasi yang amat baik dalam Bahasa Ibunda

### Anak anda mungkin disarankan untuk mengambil

Lulus kesemua 4 subjek

4 subjek standard + Bahasa Ibunda Lanjutan

Lulus 3 subjek

4 subjek standard

Lulus 2 subjek atau kurang

4 subjek standard; atau

3 subjek standard + 1 subjek asas; atau

2 subjek standard + 2 subjek asas; atau

1 subjek standard + 3 subjek asas; atau

4 subjek asas

## BAGAIMANAKAH PENGUMPULAN BERDASARKAN SUBJEK DILAKSANAKAN?

### @ DARJAH 4

Murid menduduki peperiksaan berdasarkan sekolah

Sekolah menyarankan gabungan subjek berdasarkan keputusan murid.

Ibu bapa melengkapkan borang pilihan untuk menyatakan gabungan subjek pilihan mereka.

### @ DARJAH 5

Murid mengambil gabungan subjek yang telah dipilih oleh ibu bapa

Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Bahasa Ibunda ditawarkan di peringkat standard dan asas.

Bahasa Ibunda Lanjutan juga ditawarkan.

Sekolah menilai keupayaan murid untuk mengambil gabungan subjek yang diambil pada penghujung tahun.

Perubahan bilangan subjek standard dan asas boleh dilakukan, jika perlu.

### @ DARJAH 6

Murid mengambil gabungan subjek yang diputuskan oleh sekolahnya dan menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) pada akhir Darjah 6.

**KAMI  
SENTEASA  
BERSEDIA  
UNTUK  
MEMBANTU**

Pihak sekolah akan menyarankan gabungan subjek berdasarkan keperluan dan kebolehan anak anda.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai pengumpulan berdasarkan subjek, sila berjumpa dengan pihak sekolah anak anda untuk mendapatkan bantuan.

- [http://www.moe.gov.sg/education/primary/subject-based-banding-\(primary\)](http://www.moe.gov.sg/education/primary/subject-based-banding-(primary))
- [www.facebook.com/moesingapore](http://www.facebook.com/moesingapore)
- [contact@moe.gov.sg](mailto:contact@moe.gov.sg)
- 6872 2220



Ministry of Education  
SINGAPORE

Maklumat di dalam brosur ini betul pada Disember 2017.

Dihasilkan oleh Kumpulan Komunikasi dan Pelibatan MOE